



17-22 SEPTEMBER 2018
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE
KUALA LUMPUR, MALAYSIA
www.cepsi2018kl.org



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/04/27 (HQ)

KEHIDUPAN LEBIH SELESA BUAT PENERIMA PROJEK BAITI JANNATI TNB

Keperitan hidup keluarga Azizan Mohd Zain, 62, yang mendiami rumah usang anaknya di Jalan Kampung Padang, Melaka, di sini, berakhir apabila Tenaga Nasional Berhad (TNB) membina rumah baharu untuk beliau sekeluarga menerusi Projek Baiti Jannati.

Beliau antara tiga asnaf terpilih menerima rumah menerusi Projek Baiti Jannati TNB di seluruh Melaka tahun ini membabitkan kawasan Durian Tunggal, Pematang Pasir dan Jalan Kampung Padang dengan kos berjumlah RM150,000.

Azizan, seorang bapa tunggal berstatus warga emas yang terlibat dengan kemalangan sebelum ini terpaksa membataskan pergerakannya dan tidak mampu untuk bekerja menampung perbelanjaan keluarga.

Sebagai sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), TNB sentiasa memainkan peranan yang sewajarnya untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam menyediakan kehidupan yang selesa kepada khalayak dengan melaksanakan Projek Baiti Jannati iaitu dengan membaiki atau membina rumah penerima yang layak di seluruh Semenanjung.

Sebanyak 547 penerima di seluruh Semenanjung telah mendapat manfaat melalui program ini sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2007 dengan kos mencecah RM22.3 juta. Pada tahun ini pula, TNB telah memperuntukkan sebanyak RM5.7 juta dengan melibatkan 108 buah rumah.

Bagi Negeri Melaka, setakat tahun 2018, sebanyak 17 buah rumah terlibat di dalam projek ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM655,000.

S.A. 2018/04/27 (HQ)

Majlis Kesukuran Projek Baiti Jannati TNB hari ini disempurnakan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron.

Hadir sama isteri Ketua Menteri, Datin Seri Fadilah Abdullah, EXCO Komunikasi, Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna dan Koperasi negeri Melaka, Datuk Seri Latiff Tamby Chik Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Melaka, Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Ahmad Rezahan Mohammad dan Pengerusi JAPERUN Kesidang, Melaka, Datuk Abidullah Salleh.

Dikeluarkan di Melaka pada 14 April 2018, jam 11.30 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 atau E-mel ke media@tnb.com.my*